



NOTIS

**PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
DI SEMPADAN MALAYSIA**
Bermula 18 Mac hingga 31 Mac 2020

**PERKHIDMATAN SHUTTLE TEBRAU
MALAYSIA → SINGAPURA**
Bukan warganegara Malaysia sahaja

SINGAPURA → MALAYSIA
Warganegara Malaysia sahaja

**PERKHIDMATAN TREN DRC & EKSPRES ANTARABANGSA
MALAYSIA ↔ THAILAND**
*Penangguhan sementara perkhidmatan tren
di antara sempadan*



KENYATAAN MEDIA

Media Release



COVID-19: KTMB Kuatkuasa Perintah Kawalan Ke Atas Penumpang, Tren

KUALA LUMPUR, 17 MAC - Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) mengumumkan hanya bukan warganegara Malaysia dibenarkan menaiki tren Shuttle Tebrau dari Stesen Johor Bahru Sentral (JBS) ke Stesen Woodlands, Singapura.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Kamarulzaman Zainal berkata warganegara Malaysia pula sahaja dibenarkan menaiki tren dari arah sebaliknya, mulai 8.30 pagi esok.

Beliau berkata tren ulang-alik di antara sempadan Malaysia dan Thailand, melibatkan perkhidmatan State Railway of Thailand, pula digantung sepenuhnya buat sementara waktu.

"Walau bagaimanapun, perkhidmatan tren elektrik (ETS), KTM Antarabandar, KTM Komuter dan Skypark Link masih beroperasi seperti biasa.

"Penumpang yang ingin membuat pindaan atau pembatalan tiket sepanjang tempoh perintah itu diminta merujuk kepada stesen-stesen berhampiran," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini, hari ini.

Kamarulzaman berkata pemulangan tambang akan dibuat mengikut garis panduan yang telah ditetapkan iaitu 14 hari selepas tarikh pembatalan tiket.

Orang ramai digesa mendapatkan maklumat lanjut berkaitan operasi tren KTMB menerusi laman sesawang rasminya di www.ktmb.com.my atau menghubungi Pusat Panggilannya di 0322671200.

Tamat

Dikeluarkan oleh Jabatan Komunikasi Strategik KTMB pada **17 Mac 2020**.

Pertanyaan media, hubungi:

- | | |
|------------------------------|------------|
| 1. Ahmad `Asri Khalbi | 0197287642 |
| 2. Nor Mas Tita Shoffi | 0193717774 |
| 3. Nurul Asyura Abdul Rahman | 0182789748 |